

SINAR HARIAN - 3 JULAI 2016

Umum cuti peristiwa 10 Julai

Kepada kakitangan awam di Terengganu sekiranya Aidilfitri jatuh pada 6 Julai

■ NORHAFIZA MUSA

KUALA TERENGGANU -

Kerajaan negeri bersetuju untuk memberikan cuti peristiwa pada hari Ahad, 10 Julai ini kepada kakitangan perkhidmatan awam di negeri ini sekiranya Hari Raya Aidilfitri diisytiharkan pada Rabu, 6 Julai.

Bagaimanapun Menteri Besar, Ahmad Razif Abd Rahman berkata, pelepasan khas daripada bertugas itu tidak terpakai sekiranya Hari Raya Aidilfitri diisytiharkan pada 5 Julai. Diharapkan dengan pemberian cuti ini akan memudahkan mereka sambutan hari raya.

Menurutnya, langkah yang diambil itu mengikut sebagaimana pengumuman kerajaan persekutuan sebelum ini oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, yang memberikan pelepasan khas pada Jumaat, 8 Julai ini kepada pegawai perkhidmatan awam Persekutuan sekiranya Aidilfitri diisytiharkan pada 6 Julai ini.

"Kerajaan negeri bersetuju untuk memberikan cuti pe-

ristiwa pada 10 Julai ini kepada pegawai perkhidmatan awam di negeri ini sekiranya Hari Raya Aidilfitri diisytiharkan jatuh pada hari Rabu, 6 Julai.

"Namun pelepasan khas daripada bertugas itu tidak terpakai sekiranya Hari Raya Aidilfitri diisytiharkan pada 5 Julai. Diharapkan dengan pemberian cuti ini akan memudahkan mereka sambutan hari raya.

"Terutama kepada perantau dan anak-anak perantau yang bekerja di Terengganu untuk pulang berhari raya bersama keluarga masing-masing. Pada masa yang sama, secara tidak langsung, ekal berlaku kesesakan lalu lintas apabila masing-masing berlumba-lumba untuk balik dengan tambahan sehari lagi cuti," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat seorang pelajar orang kurang upaya (OKU) dari Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Nor



Melisa Mohd Yadi, 18, di Kampung Losong Haji Awang, Chabang Tiga

Ahmad Razif semasa melawat Nor Melisa Mohd Yadi, 18, di Kampung Losong Haji Awang, Chabang Tiga

"Saya juga telah meluluskan dan mengarahkan Yayasan Terengganu (YT) untuk memberikan bantuan persediaan ke universiti kepada Nor Melisa dan kakaknya yang telah terdahulu memasuki universiti.

Mengulas lanjut, beliau berkata, keluarga pelajar tersebut telah diberikan bantuan sewa rumah dari Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam) dan juga bantuan dari Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM). "Sekurang-kurangnya dengan bantuan itu dapat mengurangkan beban dan juga meminta YT melihat keperlu-

an bagi anak-anak yang lain," katanya.

Nor Melisa ditinggalkan bapanya kira-kira 3 tahun lalu, dan sejak itu dia dan adik beradik terpaksa bergantung sepenuhnya kepada ibunya, Sarifah Abu Bakar, 46, yang bermiaga makanan di sebuah warung di Kampung Losong Haji Awang.